

**UCAPAN YANG BERHORMAT
DATO' SERI KONG CHO HA
MENTERI PENGANGKUTAN
DI MAJLIS PELANCARAN PRODUK TERBARU MODENAS
PADA HARI KHAMIS 16 JUN 2011,
DI GRAND BALLROOM,
HOLIDAY INN GLENMARIE KUALA LUMPUR**

Yang Berbahagia Dato' Syed Mohamad Aidid Syed Murtaza
Pengerusi DRB-HICOM Berhad
merangkap Pengerusi MODENAS

Yang Berbahagia Dato' Seri Mohd Khamil Jamil
Pengarah Urusan Kumpulan DRB-HICOM Berhad

Yang Berusaha Encik Abdul Halim Ismail
Ketua Pegawai Eksekutif MODENAS dan EMOS

Pengarah-Pengarah Kumpulan DRB-HICOM Berhad
dan pengarah-pengarah MODENAS

Wakil-wakil pengedar dan stokis alat ganti MODENAS

Dif-dif kehormat

Rakan-rakan media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin yang dihormati sekalian

Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada DRB-HICOM dan MODENAS atas kesudian menjemput saya ke majlis ini dan seterusnya melancarkan model terbaru motosikal MODENAS. Adalah diharapkan dengan pelancaran model terbaru MODENAS ini, akan berupaya memberikan saingan yang lebih kompetitif kepada pasaran motosikal nasional.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada MODENAS dan seluruh tenaga kerjanya atas kejayaan dalam RnD dan pengeluaran motosikal berkuasa elektrik pertama di Malaysia. Syabas dan tahniah saya ucapkan. Ini membuktikan bahawa syarikat automotif tempatan juga mampu menghasilkan produk yang berteknologi tinggi dan berdaya saing.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sejak November 1996 dengan pasaran model pertama MODENAS Kriss 110 cc, MODENAS telah berjaya menguasai 9% daripada saiz pasaran motosikal di Malaysia. Kemampuan dan kejayaan MODENAS sebagai salah satu projek automotif nasional dalam mengeluarkan motosikal jenis *moped* dan *skuter* melambangkan kejayaan visi negara untuk menjadi

sebuah negara maju berasaskan industri produk berteknologi tinggi.

Saya turut difahamkan bahawa produk terbaru MODENAS ini menggunakan 80% komponen tempatan.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian,

Sektor pengangkutan merupakan antara penyumbang terbesar dalam masalah pencemaran alam sekitar. Kerajaan memperkenalkan Dasar Teknologi Hijau yang menggalakkan pengeluar sektor automotif mengeluarkan produk-produk automotif yang lebih mesra alam dan menjimatkan. Dengan penghasilan kenderaan-kenderaan berkuasa elektrik sepenuhnya mahupun berkuasa hibrid, jelas menunjukkan komitmen pengeluar automotif nasional dalam menangani isu pencemaran. Kenaikan harga minyak yang di anggap semakin membebankan rakyat, produk-produk yang sebegini juga merupakan antara alternatif terbaik kepada para pengguna.

Justeru itu, adalah disarankan agar rakyat Malaysia terus memberikan sokongan kepada produk yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat automotif nasional demi mencapai hasrat dan tujuan yang terkandung dalam Dasar Teknologi Hijau bagi mengurangkan Kesan Pembebasan Gas Rumah Hijau (GHG) yang diperkenalkan oleh Kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Pelancaran model motorsikal terbaru MODENAS berkuasa elektrik yang pertama di Malaysia ini merupakan satu lagi kebanggaan bagi negara kita. Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada MODENAS di atas kejayaan yang membanggakan ini. Saya amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk melancarkan Motosikal **MODENAS CTRIC** ini. Semoga model **MODENAS CTRIC** akan mendapat sambutan hangat di pasaran tempatan dan sentiasa maju ke hadapan bersama MODENAS.

Dengan ini, saya dengan segala hormatnya melancarkan motosikal **MODENAS CTRIC**.